



**SIARAN MEDIA**  
*MEDIA RELEASE*

**INDEKS JUALAN RUNCIT  
DAN  
INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN  
SUKE TAHUN KETIGA 2024**

*RETAIL SALES INDEX  
AND  
FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX  
THIRD QUARTER 2024*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam

Department of Economic Planning and Statistics  
Ministry of Finance and Economy  
Brunei Darussalam



## SIARAN MEDIA

### JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

#### INDEKS JUALAN RUNCIT DAN INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN SUKE TAHUN KETIGA 2024

#### NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

#### Jualan Perkhidmatan Makanan Dan Minuman Mencatatkan Peningkatan Pada Suku Tahun Ketiga 2024

1. Pada suku tahun ketiga (Q3) 2024, jualan perkhidmatan makanan dan minuman telah mencatatkan peningkatan sebanyak 1.7 peratus berbanding suku tahun kedua (Q2) 2024, didorong oleh peningkatan hasil jualan bagi perkhidmatan katering sebanyak 8.6 peratus; dan restoran sebanyak 3.4 peratus.
2. Bagi perbandingan secara tahunan, nilai jualan perkhidmatan makanan dan minuman telah menurun sebanyak 2.4 peratus berbanding Q3 2023, dengan hasil jualan menurun daripada BND114.9 juta kepada BND112.2 juta. Dari segi volum, jualan perkhidmatan makanan dan minuman juga mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 3.1 peratus berbanding Q3 2023, yang menunjukkan penurunan permintaan domestik.
3. Penurunan hasil jualan makanan dan minuman adalah disebabkan oleh penurunan hasil jualan bagi kedai makanan segera sebanyak 11.2 peratus; aktiviti penyajian minuman sebanyak 8.3 peratus; lain-lain perkhidmatan makanan sebanyak 6.4 peratus; dan restoran sebanyak 0.6 peratus.

4. Bagi prestasi jualan runcit, ianya telah mencatatkan penurunan sebanyak 5.6 peratus berbanding Q3 2023, dengan hasil jualan menurun daripada BND415.9 juta kepada BND392.4 juta. Dari segi volum jualan, aktiviti jualan runcit juga mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 5.1 peratus berbanding Q3 2023, yang menunjukkan penurunan permintaan domestik.
5. Penurunan hasil jualan runcit adalah didorong terutamanya oleh penurunan jualan peralatan komputer dan telekomunikasi sebanyak 20.4 peratus, diikuti dengan jualan peralatan elektrik dan peralatan pencahayaan isi rumah di kedai khusus sebanyak 11.5 peratus; jualan di gedung serbaneka sebanyak 4.7 peratus; jualan di pasaraya sebanyak 4.2 peratus; dan jualan di stesen minyak sebanyak 3.9 peratus.
6. Berbanding dengan Q2 2024, nilai jualan runcit telah menurun sebanyak 6.3 peratus, didorong terutamanya oleh penurunan jualan tekstil, pakaian dan kasut sebanyak 25.9 peratus, diikuti dengan jualan jam tangan dan barang kemas sebanyak 18.5 peratus; jualan peralatan elektrik dan peralatan pencahayaan isi rumah di kedai khusus sebanyak 12.7 peratus; jualan di gedung serbaneka sebanyak 10.2 peratus; dan jualan peralatan komputer dan telekomunikasi sebanyak 7.1 peratus.
7. Indeks Jualan Runcit dan Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman adalah petunjuk awal prestasi ekonomi bagi kedua-dua aktiviti dan memberikan gambaran trend perbelanjaan pengguna di Negara Brunei Darussalam bagi setiap suku tahunan. Laporan penuh bagi kedua-dua aktiviti boleh didapati melalui laman sesawang JPES: <https://deps.mofe.gov.bn>.



## **MEDIA RELEASE**

### **DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

#### **RETAIL SALES INDEX AND FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX THIRD QUARTER 2024**

**BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Sales of Food & Beverage Services Increased in Third Quarter 2024**

1. *In the third quarter (Q3) 2024, food and beverage services recorded an increase of 1.7 per cent compared to the second quarter (Q2) 2024. This growth was attributed to increases in sales revenue of catering services by 8.6 per cent and restaurants by 3.4 per cent.*
2. *On a yearly basis, the sales value of food and beverage services decreased by 2.4 per cent compared to Q3 2023, with sales revenue decreasing from BND114.9 million to BND112.2 million. In terms of volume, food and beverages services also recorded a negative growth of 3.1 per cent compared to Q3 2023, indicating a decrease in domestic demand.*
3. *The decrease in sales revenue of food and beverage was primarily due to decline in sales revenue of fast-food outlets by 11.2 per cent, beverage-serving activities by 8.3 per cent, other food services by 6.4 per cent, and restaurants by 0.6 per cent.*
4. *As for retail sales performance, a decrease of 5.6 per cent was recorded compared to Q3 2023, with sales revenue decreasing from BND415.9 million to BND392.4 million. In terms of volume, retail sales activity also recorded a negative growth of 5.1 per cent compared to Q3 2023, reflecting a fall in domestic demand.*

5. *The decrease in retail sales revenue was mainly attributed to decreases in the sales of computer and telecommunications equipment by 20.4 per cent, electrical household appliances and lighting equipment in specialized stores by 11.5 per cent; department store sales by 4.7 per cent, supermarket sales by 4.2 per cent, and petrol station sales by 3.9 per cent.*
6. *Compared to Q2 of 2024, the retail sales value decreased by 6.3 per cent, driven mainly by decreases in the sales of textiles, wearing apparel and footwear by 25.9 per cent, watches and jewellery by 18.5 per cent, electrical household appliances and lighting equipment in specialized stores by 12.7 per cent, department store sales by 10.2 per cent, and computer and telecommunications equipment by 7.1 per cent.*
7. *Retail Sales Index (RSI) and Food & Beverages Services Index (F&BSI) are preliminary indicators of economic performance for both activities and provide an outlook for consumer spending trends in Brunei Darussalam on a quarterly basis. Full reports of both activities are available from DEPS's website: <https://deps.mofe.gov.bn>.*